

Sains dan Matematik Penting Memacu Kemajuan Negara

Terakhir dikemaskini: Khamis, 06 Disember 2018 17:47 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 112

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 06 DISEMBER – Simposium Kebangsaan Sains Matematik (SKSM) dapat menjadi salah satu asas ke arah menyokong perancangan dan hasrat kerajaan negeri membangunkan serta memodenkan negeri ini.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, ia juga menjadi platform kepada para penyelidik dalam bidang Sains Matematik berkongsi maklumat hasil penyelidikan terkini.

“Pada simposium ini para pembentang, ahli akademik dan penyelidik dalam bidang Sains

Matematik bertemu untuk perbincangan dan perumusan segala perancangan dan agenda berkaitan pemajuan dan pengukuhan bidang ini ke dalam masyarakat di negeri Sabah agar dapat terus berjalan dengan lebih rancak lagi,” katanya pada majlis perasmian SKSM ke-26 di Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Penolong Naib Canselor merangkap Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS, Prof. Dr. Marcus Jopony.

Ujar Datuk Dr. D Kamarudin, simposium itu juga turut meliputi perkongsian pelbagai aspek termasuk pencapaian dan impak positif bidang Sains Matematik kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, Pengerusi SKSM ke-26, Prof. Madya Dr. Abdullah Bade berkata, tema simposium tahun ini iaitu ‘Sains Matematik Teras Revolusi Industri’ dipilih sejajar dengan hala tuju UMS ke arah transformasi Universiti Industri 4.0.

“Sepanjang simposium ini, sebanyak 167 kertas kerja penuh dibentangkan antaranya, Sains Gunaan, Statistik, *Computational*, *Pure math*, Matematik Pendidikan dan beberapa lagi bidang lain yang berasaskan matematik,” katanya.

Simposium yang berlangsung selama dua hari itu turut menyaksikan penyampaian Anugerah SKSM ke-26 2018 dan Anugerah PERSAMA yang disempurnakan Prof. Dr. Marcus dan Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Prof. Dr. Baba Musta.

Turut hadir pada majlis itu, Presiden Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA), Prof. Dr. Maslina Darus.

Simposium tersebut merupakan anjuran bersama FSSA, PERSAMA, dan Persatuan Matematik dan Grafik Berkumputer Sabah (MaGRAPH).

